



Ruj. Kami : UPNM(PB)02.13/02/21/2022

Tarikh : 17 Ogos 2022

KENYATAAN SEBUTHARGA

Dengan ini kami ingin mempelawa syarikat-syarikat yang telah berdaftar dengan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia, berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) iaitu Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan Sijil Taraf Bumiputera (STB) di bawah bidang yang berkaitan dan pendaftarannya masih lagi berkuatkuasa bagi tawaran seperti berikut:-

NO RUJ. & TAJUK SEBUTHARGA	KELAYAKAN/TARAF /JENIS TENDER	Tarikh Taklimat/Lawatan Tapak	TARIKH TUTUP / NO. PETI	HARGA DOKUMEN
SEBUTHARGA BAGI UPNM(PB)02.13/02/21/2022 - KERJA – KERJA MEMBAIKPULIH BUMBUNG RATA DAN KEBOCORAN DI ASRAMA PELAJAR JEBAT DAN KASTURI, UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA, KEM SUNGAI BESI, KUALA LUMPUR	Berdaftar CIDB G2 Kategori B Pengkhususan B04 dan B08 Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) CIDB Dan PPK Sijil Taraf Bumiputera	Diwajibkan iaitu berkumpul di Dewan Pendekar UPNM pada 23 Ogos 2022 (Selasa) jam 10.00 pagi (yang telah berdaftar dengan UPNM sahaja)	07 September 2022 (Rabu) Jam 12.00 tengah hari Peti No. 3	RM30.00 (Tidak akan dikembalikan)

Dokumen sebut harga boleh **disemak dan dibeli** mulai **23 Ogos 2022** di Seksyen Perolehan, Pejabat Bendahari, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia dengan bayaran sebanyak **RM30.00 (Ringgit Malaysia: Tiga Puluh Ringgit Sahaja)** dalam bentuk **Tunai/Wang Pos/Kiriman Wang/Bank Draf** dibayar atas nama **Bendahari, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia** (yang tidak akan dikembalikan). Waktu untuk membeli dokumen tawaran adalah seperti di bawah :-

Isnin-Khamis	:	8.30 pagi	hingga	12.30 tengah hari
		2.30 petang	hingga	4.00 petang
Jumaat	:	8.30 pagi	hingga	12.00 tengah hari

Dokumen sebutharga yang lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan dimasukkan ke dalam **Peti Sebutharga di Seksyen Perolehan, Pejabat Bendahari, Aras 1, Bangunan Canselori, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia, Kem Sungai Besi, 57000 Kuala Lumpur** pada atau sebelum pukul 12.00 tengah hari pada tarikh yang dinyatakan di atas. Tawaran yang lewat tidak akan dipertimbangkan.

Iklan ini boleh dilihat di <http://bendahari.upnm.edu.my/> dan <https://myprocurement.treasury.gov.my/>

Bagi sebarang pertanyaan dan keterangan lanjut, berkenaan sebutharga tersebut, sila hubungi (pukul 8.30 pagi sehingga 4.00 petang) Encik Abdul Rahman bin Mohamad Safuan (emel : rahman@upnm.edu.my) / talian 03-9051 3400 samb. 762 2361 atau Encik Agus Setiawan bin Saniman di talian (03 – 90513400 Samb 762 2253) emel agus@upnm.edu.my untuk maklumat berkaitan dokumen.

Sekian, terima kasih.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“KEWAJIPAN, MARUAH, INTEGRITI”

Saya yang menjalankan amanah,

(ROZAN BINTI YASOK)
Penolong Bendahari Kanan
b.p Bendahari